

PERLAKSANAAN PENGGAJIAN PEKERJA BINAAN ASING MAHIR BAGI
KONTRAKTOR GRED G1 – G3

FAQ

1) Q: Apakah tujuan Program Penggajian ini diwujudkan?

A: Tujuan pelaksanaan penggajian pekerja binaan asing bagi kontraktor gred G1 – G3 ini adalah bagi membantu kontraktor kecil (G1 hingga G3) yang memerlukan pekerja binaan asing mahir dalam kuantiti yang kecil dan untuk tempoh penggajian yang pendek iaitu antara 3 bulan ke 6 bulan.

2) Q: Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh Kontraktor G1, G2, G3 bagi melayakkan mereka untuk memohon pekerja asing melalui program ini?

A: Majikan hendaklah memastikan bahawa:

- Lesen CIDB masih sah ketika membuat permohonan
- Projek yang dijalankan juga mestilah berterusan sekurang-kurangnya dua (2) bulan.
- Majikan perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh (berkemampuan kontraktor untuk membayar levi dan gaji pekerja)
- Menyediakan penempatan untuk pekerja bagi sepanjang tempoh pekerja digajikan (Akta 446)
- Maksimum 10 orang sahaja bagi setiap permohonan.
- Tempoh menggajikan PAB adalah minimum 3 bulan dan maksimum 6 bulan dan selepas tempoh tersebut pekerja perlu diserahkan semula kepada CLAB.
- Gaji minimum yang perlu dibayar kepada setiap pekerja ialah sebanyak RM1500 sebulan (tidak termasuk kerja lebih masa).

3) Q: Adakah majikan dibenarkan menyambung pekerja yang sama untuk bekerja di lokasi projek yang berlainan selepas tamat tempoh kontrak 6 bulan?

A: Majikan harus memulangkan pekerja yang terdahulu selepas 6 bulan dan memohon semula pekerja yang baru dalam tempoh sebulan sebelum tamat kontrak pekerja terdahulu. Ini adalah kerana selepas 6 bulan, pekerja sedia ada berkemungkinan sudah di uruskan untuk disalurkan ke majikan yang lain. Oleh itu, majikan sebaiknya memaklumkan sebulan sebelum tamat kontrak sekiranya ingin menyambung kontrak pekerja yang sama. Sekiranya pekerja sedia ada masih belum disalurkan kepada majikan yang lain, majikan berkemungkinan boleh menyambung pekerja yang sama untuk projek yang berlainan.

- 4) Q: Bolehkah sekiranya pekerja A ingin menyambung kontrak dengan majikan A walaupun sudah tamat tempoh bekerja dengan majikan A?

A: Tidak dibenarkan. Pekerja A harus ditukar kepada majikan lain selepas tamat tempoh kontrak 6 bulan.

- 5) Q: Adakah majikan dibenarkan untuk menukar pekerja yang lain jika majikan tidak bersetuju dengan pekerja yang diberikan oleh CLAB / jika pekerja tidak ingin bekerja dengan majikan yang tertentu?

A: Bergantung kepada masalah yang dihadapi. Jika sekiranya pekerja yang bermasalah, maka majikan dibenarkan untuk menukar pekerja yang lain. Namun jika masalah adalah berpunca dari majikan sendiri (cth: majikan tidak mahu menggajikan pekerja), maka majikan tidak boleh menukar pekerja yang lain dan tetap harus menggajikan pekerja yang diberikan sehingga tamat tempoh kontrak.

- 6) Q: Siapakah yang akan membayar gaji pekerja jika projek yang dijalankan telah tamat lebih awal daripada yang dipersetujui di dalam kontrak?

A: Majikan harus membayar gaji pekerja berdasarkan apa yang dipersetujui di dalam kontrak antara majikan dan CLAB. Sekiranya kontrak yang dipersetujui ialah selama 6 bulan, majikan wajib membayar gaji pekerja sehingga tempoh tersebut. Sekiranya tidak dibayar, wang cagaran tidak akan dikembalikan dan majikan akan disenarai hitam oleh CIDB dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

- 7) Q: Sekiranya projek yang dijalankan belum tamat dan majikan ingin menyambung tempoh kontrak pekerja, berapakah caj yang dikenakan kepada majikan? Adakah sama/ lain?

A: Caj yang dikenakan ialah sama. Selepas 6 bulan, pekerja harus dipulangkan dan digantikan dengan pekerja yang lain. Caj yang dikenakan ialah sama seperti caj kali pertama yang dikenakan ke atas majikan.

- 8) Q: Sekiranya pekerja ditangkap kerana wujud kesangsian apabila pekerja didaftarkan untuk bekerja di Johor, tetapi dibawa bekerja di lokasi lain tanpa pengetahuan pihak CLAB, adakah majikan perlu membayar gaji pekerja itu?

A: Ya, majikan harus membayar gaji pekerja itu.

9) Q: Sekiranya pekerja tempatan juga terlibat, adakah berbeza bayaran yang dikenakan?

A: Bayaran untuk pekerja tempatan dan pekerja asing adalah berbeza. Pekerja tempatan tidak mempunyai bayaran levi, FOMEMA, dan kos pusat transit.

10) Berkenaan proses bayaran balik (*refund*) levi, bolehkah sekiranya majikan memohon kontra untuk permohonan baru?

A: Majikan tidak dibenarkan untuk memohon kontra untuk permohonan baru.

11) Q: Berapa lamakah masa yang diambil untuk proses bayaran balik (*refund*)?

Proses bayaran balik (*refund*) akan dilakukan dalam tempoh 30 hari bekerja selepas penyerahan pekerja di CLQ. Ini adalah kerana pihak CLAB harus membuat pelepasan (*clearance*) terlebih dahulu dan memastikan tiada masalah yang timbul.

Contoh masalah yang timbul: majikan tidak membayar gaji. Sekiranya bermasalah, proses bayaran balik (*refund*) tidak akan dilakukan sehingga majikan membayar balik semula gaji pekerja. Jika majikan tidak juga membayar gaji pekerja, maka pihak CLAB akan menggunakan wang levi dan wang cagaran bagi membayar balik gaji pekerja dan seterusnya tiada bayaran balik (*refund*) yang diberikan kepada majikan.

12) Q: Siapakah yang bertanggungjawab untuk menanggung perbelanjaan perubatan pekerja?

A: Perbelanjaan perubatan ditanggung oleh majikan.

13) Q: Adakah majikan boleh memohon untuk menggantikan pekerja yang lain sekiranya pekerja menghadapi masalah kesihatan / sakit?

A: Bergantung kepada situasi semasa. Sekiranya masalah kesihatan / sakit yang dihadapi adalah disebabkan oleh kecuaiannya majikan (cth: tidak menyediakan peralatan keselamatan kepada pekerja) maka majikan tidak boleh memohon untuk menggantikan pekerja yang lain. Tetapi jika sekiranya masalah kesihatan / sakit yang dihadapi adalah disebabkan oleh pekerja, maka majikan boleh memohon untuk menggantikan pekerja yang lain.

14) Q: Sekiranya majikan telah dimaklumkan kepada jawatankuasa pelulus bahawa pihak majikan tidak membayar gaji pekerja dan telah disenarai hitam, adakah majikan dibenarkan memohon pekerja untuk kali kedua?

A: Majikan masih boleh memohon dengan syarat majikan sudah menyelesaikan masalah terdahulu. Majikan harus menunjukkan bukti bahawa gaji pekerja sudah dibayar dan seterusnya boleh memohon untuk mengambil pekerja buat kali kedua. Ini adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pelulus.

15) Q: Sekiranya sepanjang tempoh pekerja digajikan oleh majikan, adakah pekerja dibenarkan untuk memohon cuti?

A: Berdasarkan kelayakan, pekerja hanya layak untuk memohon cuti selama sehari dalam tempoh satu bulan. Sekiranya pekerja memerlukan cuti yang lebih panjang, keputusan sepenuhnya bergantung kepada majikan. Sekiranya dibenarkan, cuti tersebut akan dikira sebagai '*unpaid leave*'.

16) Q: Siapakah yang bertanggungjawab untuk melaporkan kepada polis sekiranya pekerja melarikan diri?

A: CLAB akan bertanggungjawab untuk melaporkan kepada pihak polis sekiranya pekerja melarikan diri. Walaubagaimanapun, majikan haruslah memaklumkan kepada CLAB dalam masa 2 hari selepas didapati pekerja melarikan diri.

17) Q: Apakah kesan yang boleh berlaku sekiranya majikan tidak memulangkan pekerja selepas tamat tempoh kontrak?

A: Pihak CLAB akan mengesan lokasi majikan dan sekiranya gagal dikesan, maka CLAB tidak akan memulangkan wang cagaran dan wang levi serta majikan akan disenarai hitam.

18) Q: Adakah kelonggaran boleh diberikan kepada kontraktor yang tidak mempunyai lesen CIDB?

A: Tiada kelonggaran yang diberikan kepada kontraktor yang tidak mempunyai lesen CIDB. Sebarang permohonan haruslah mematuhi syarat asas yang di maklumkan.